

PENGARUH ETNIK DALAM PEMBENTUKAN PARTI POLITIK DI BORNEO

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

MOHAMMAD FAIEZ IQMAL BIN SEMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025

**PENGARUH ETNIK DALAM PEMBENTUKAN PARTI POLITIK DI
BORNEO**

MOHAMMAD FAIEZ IQMAL BIN SEMI

**PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa projek tahun ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



10 Februari 2025

Mohammad Faiez Iqmal bin Semi

D20211100627





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, projek tahun akhir ini berjaya disiapkan pada masa yang telah ditetapkan. Dengan berkat, usaha gigih dan kerjasama dari semua pihak, penulisan projek tahun akhir bertajuk Pengaruh Etnik dalam Pembentukan Parti Politik di Borneo dapat disiapkan dengan jayanya. Setinggi penghargaan yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Norhafiza binti Mohd Hed selaku penyelia bagi projek tahun akhir ini kerana beliau telah banyak membantu dengan memberi tunjuk ajar, saranan dan penekanan serta memantau pelaksanaan penulisan projek tahun akhir ini agar berjalan dengan lancar. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan pendapat kepada saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Selain itu, tidak dilupakan kepada semua pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan projek tahun akhir ini. Di kesempatan ini juga tidak dilupakan, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa dan seluruh ahli keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan, dorongan dan semangat sepanjang projek tahun akhir ini dijalankan. Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Politik berteraskan kaum di Sabah dan Sarawak adalah isu sensitif dan kompleks. Sehingga ke hari ini, rakyat Sabah dan Sarawak lebih berminat untuk mengasingkan diri antara satu sama lain dengan menyelaraskan diri mereka dengan parti politik yang mementingkan kumpulan etnik mereka sendiri. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada sejarah perkembangan politik di Sabah dan Sarawak serta konflik-konflik yang berlaku disebabkan oleh perbezaan etnik melampau. Ini kerana politik Borneo memerlukan strategi yang ideal dalam memastikan kestabilan politik di Sabah dan Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada instrumen temu bual semi-struktur untuk mengumpul data. Informan dipilih secara bertujuan dalam kalangan ahli akademik, wakil kepada pemimpin parti politik dan ahli komuniti dari pelbagai etnik di Borneo untuk mendapatkan pandangan mendalam tentang bagaimana faktor etnik mempengaruhi pembentukan dan struktur parti politik tempatan. Data dari temu bual dianalisis menggunakan kaedah tematik untuk mengenal pasti corak dan tema utama yang berkaitan dengan pengaruh etnik dalam politik Borneo. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan budaya politik di Sabah dan Sarawak dipengaruhi oleh perbezaan ideologi, kepentingan sosial dan ketidakpuasan terhadap kepemimpinan yang sedia ada. Di negeri Sabah, perbezaan etnik dan jurang pembangunan dengan Malaysia Barat mendorong kemunculan parti politik seperti UNKO, USNO dan BERJAYA yang memperjuangkan kepentingan etnik dan kemajuan ekonomi. Di negeri Sarawak pula, pembentukan parti politik berasaskan kaum seperti BARJASA dan PESAKA mencerminkan ketidakpuasan terhadap penjajahan dan penyerahan Sarawak kepada British. Ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi di kedua-dua negeri ini disebabkan oleh ketidakstabilan politik dan amalan politik ekonomi yang tidak adil telah menyebabkan golongan tertentu mendapat faedah sementara masyarakat luar bandar terus terpinggir. Kajian ini juga menekankan tentang pentingnya pakatan politik inklusif, dasar kerajaan yang saksama dan pendidikan yang mengutamakan perpaduan sebagai langkah utama untuk mengurangkan pengaruh etnik dalam politik dan mencipta masyarakat yang lebih stabil dan adil.





ABSTRAK

Ethnic-based politics in Sabah and Sarawak is a sensitive and complex issue. Until today, the people of Sabah and Sarawak are more inclined to separate themselves from each other by aligning with political parties that prioritize their own ethnic groups. Therefore, this study focuses on the historical development of politics in Sabah and Sarawak, as well as the conflicts that have arisen due to extreme ethnic differences. This is because Borneo politics requires an ideal strategy to ensure political stability in Sabah and Sarawak. The study uses a qualitative approach, focusing on semi-structured interviews as a tool to collect data. Informants are purposively selected from academics, representatives of political party leaders, and community members from various ethnic groups in Borneo to gain in-depth insights into how ethnic factors influence the formation and structure of local political parties. Data from the interviews are analyzed using thematic analysis to identify patterns and key themes related to the influence of ethnicity in Borneo politics. The findings indicate that the development of political culture in Sabah and Sarawak is influenced by ideological differences, social interests, and dissatisfaction with existing leadership. In Sabah, ethnic differences and the development gap with West Malaysia led to the emergence of political parties such as UNKO, USNO, and BERJAYA, which advocated for ethnic interests and economic progress. In Sarawak, the formation of ethnic-based political parties such as BARJASA and PESAKA reflects dissatisfaction with colonization and the handing over of Sarawak to the British. The socioeconomic development imbalance in both states, caused by political instability and unjust economic political practices, has led to certain groups benefiting while rural communities continue to be marginalized. This study also emphasizes the importance of inclusive political coalitions, fair government policies, and education that prioritizes unity as key measures to reduce ethnic influence in politics and create a more stable and just society.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	8
1.3	Permasalahan Kajian	10
1.4	Persoalan Kajian	14
1.5	Objektif Kajian	15
1.6	Skop Kajian	15
1.7	Kepentingan Kajian	17
1.8	Definisi Operasional	19
	1.8.1 Etnik	19
	1.8.2 Parti politik	20
1.9	Organisasi Bab	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Hubungan etnik di Borneo	25
2.2	Politik dan kepimpinan di Borneo	32
2.3	Permuafakatan Politik di Borneo	40
2.4	Kerangka Teori	49

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka bentuk Kajian	56
3.3	Populasi dan Sampel	59
3.4	Instrumen	61
	3.4.1 Analisis dokumen	61
	3.4.2 Temu bual	61
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	63
3.6	Kaedah Menganalisis data	63
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	64
3.8	Penutup	66

BAB 4 FAKTOR-FAKTOR BERLAKU PENGARUH ETNIK DALAM PEMBENTUKAN PARTI POLITIK DI BORNEO

4.0	Pengenalan	67
4.1	Sejarah kolonial	68
4.2	Pengaruh etnisiti	77
4.3	Perbezaan idealisme politik	86

BAB 5 KESAN-KESAN PENGARUH ETNIK DALAM PEMBENTUKAN PARTI POLITIK DI BORNEO

5.0	Pengenalan	95
5.1	Konflik kekerasan	96
5.2	Ketidakstabilan politik	107
5.3	Ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi	114

BAB 6 LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN PENGARUH ETNIK DALAM LANDSKAP POLITIK DI BORNEO

6.0	Pengenalan	124
6.1	Pakatan politik	125
6.2	Dasar kerajaan	134
6.3	Pendidikan	137

BAB 7	RUMUSAN	144
--------------	----------------	-----

RUJUKAN	157
----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1	Penduduk Sabah mengikut kumpulan etnik di Sabah pada tahun 2019	3
2	Penduduk Sarawak mengikut kumpulan etnik di Sarawak pada tahun 2018	4
3	Simbol-simbol transkripsi	64



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
3.1 Reka bentuk kajian	58

SENARAI SINGKATAN

BA	-	Barisan Alternatif
BARJASA	-	Barisan Jati Anak Sarawak
BN	-	Barisan Nasional
BUNAP	-	Borneo Utara National Party
BNBC	-	British North Borneo Company
CCO	-	Clandestine Communist Organization
DAP	-	Democratic Action Party
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
GBS	-	Gabungan Bersatu Sabah
GPS	-	Gabungan Parti Sarawak
GRS	-	Gabungan Rakyat Sabah
UMMAH	-	Gerakan Pembela Ummah
STAR	-	Homeland Solidarity Party
ISMA	-	Ikatan Muslimin Malaysia
MA63	-	Malaysia Agreement 1963
MCA	-	Malaysian Chinese Association
MIC	-	Malaysian Indian Congress
PH	-	Pakatan Harapan
PR	-	Pakatan Rakyat
AMANAH	-	Parti Amanah Negara
PBDS	-	Parti Bansa Dayak Sarawak
BERJAYA	-	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
PBRs	-	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	-	Parti Bersatu Sabah
PDP	-	Parti Demokratik Progres
PAS	-	Parti Islam Se-Malaysia
PKR	-	Parti Keadilan Rakyat
PANAS	-	Parti Negara Sarawak
PESAKA	-	Parti Pesaka Anak Sarawak
PBB	-	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
BERSATU	-	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
PRS	-	Parti Rakyat Sarawak

PSB	-	Parti Sarawak Bersatu
WARISAN	-	Parti Warisan
PN	-	Perikatan Nasional
PRU	-	Pilihan Raya Umum
SAPP	-	Sabah Progressive Party
SCA	-	Sarawak Chinese Association
SNAP	-	Sarawak National Party
SUPP	-	Sarawak United People's Party
UEC	-	Unified Examination Certificate
UMNO	-	United Malays National Organisation
UNKO	-	United National Kadazan Organisation
UPMO	-	United National Pasok Momogun Organization
UPKO	-	United Progressive Kinabalu Organisation
USNO	-	United Sabah National Organisation

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dari segi geografinya, Malaysia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur yang dipisahkan oleh Laut China Selatan. Malaysia Timur terdiri daripada negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang terletak di kepulauan Borneo iaitu kepulauan ketiga terbesar di dunia. Menurut Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (t.t), Sarawak dan Sabah merupakan negeri terbesar dan negeri kedua terbesar di Malaysia, masing- masing dengan keluasan 124,450 km persegi dan 73,620 km persegi berbanding dengan Semenanjung Malaysia dengan jumlah keluasan 130,590 km persegi (iaitu 40 peratus daripada jumlah keluasan tanah di Malaysia). Dari segi jumlah keluasan tanah, Sarawak merangkumi kira-kira 90 peratus daripada saiz Semenanjung Malaysia.

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan kepelbagaian budaya, bangsa, agama dan kepercayaan yang berbeza-beza di Asia Tenggara. Keunikan kehidupan bermasyarakat di Malaysia boleh dilihat melalui pengekalan identiti etnik melalui pengamalan kehidupan yang berlandaskan adat dan tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang. Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kumpulan. Secara perundangannya, kepelbagaian ini boleh dilihat daripada banyak sudut antaranya Bumiputera dan bukan Bumiputera, etnik, subetnik dan suku, wilayah dan kenegerian, anak watan dan kumpulan migran, warganegara, taraf berpenduduk tetap dan bukan warganegara, kumpulan bahasa dan dialek, etnisiti dan kepercayaan serta aliran kepercayaan dan agama (Azuki, 2021, p.18). Terdapat tujuh kumpulan etnik di Malaysia terdiri daripada Melayu, Cina, India, Peribumi semenanjung, Peribumi Sarawak dan Peribumi Sabah. Terdapat juga etnik lain yang daripada Baba Nyonya, Boyan, Chettiar dan Chindian, Portugis, Serani, Siam, Sindhi dan Bugis.

Kumpulan terbesar rakyat Malaysia terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Terdapat juga penduduk peribumi di Semenanjung Malaysia yang dikenali sebagai Orang Asli dan secara umumnya terbahagi kepada tiga kaum terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Menurut Majlis Keselamatan Negara (2024), jumlah penduduk Malaysia pada suku tahun pertama (ST1) 2024 dianggarkan mencecah 34 juta orang terdiri daripada kaum Melayu (57.9%), kaum Cina (22.6%), Bumiputera lain (12.2%) dan India (6.6%). Di Malaysia Timur pula, menurut laman rasmi Kerajaan Negeri Sabah (t.t), penduduk di negeri Sabah terdiri daripada 33 kumpulan peribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Secara umum, etnik peribumi utama di Sabah dikatakan terdiri daripada etnik seperti Kadazandusun, Bajau dan Melayu–Brunei manakala kumpulan etnik bukan peribumi

adalah seperti orang Cina dan lain-lain (merujuk kepada kumpulan individu daripada etnik yang berasal dari negara Indonesia dan Filipina) (IWGIA, 2021). Bagi negeri Sarawak pula, negeri ini mempunyai penduduk yang terdiri daripada 27 kumpulan etnik yang berbeza (Jabatan Penerangan Malaysia, t.t). Orang Asli dikenali sebagai Dayak atau Orang Ulu, merangkumi etnik seperti Iban, Bidayuh, Kenyah, Kayan, dan lain-lain.

Jadual 1 : Penduduk Sabah mengikut kumpulan etnik di Sabah pada tahun 2019

Etnik	Tahun 2019	
	Populasi	Peratus (%)
Kadazan-Dusun	869,647	23.98
Bajau	488,672	13.47
Melayu	150,029	4.14
Murut	199,611	5.51
Bumiputera lain	901,964	24.89
Cina	270,049	7.45
Lain-lain	44,052	1.21
Bukan warganegara Malaysia	700,190	19.31
Jumlah	3,624,214	100

Sumber : Portal rasmi Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (2019)



Jadual 2 : Penduduk Sarawak mengikut kumpulan etnik di Sarawak pada tahun 2018

Etnik	Tahun 2018	
	Populasi	Peratus (%)
Melayu	649,900	22.98
Iban	809,600	28.61
Bidayuh	220,500	7.79
Melanau	144,600	5.11
Bumiputera lain	182,200	6.44
Cina	629,300	22.22
India dan lain-lain	16,800	0.59
Bukan warganegara Malaysia	176,400	6.23
Jumlah	2,829,300	100

Sumber : Portal rasmi Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (2018)

Jadual 1 memaparkan populasi penduduk Sabah mengikut kumpulan etnik pada tahun 2019. Jumlah penduduk Sabah pada tahun tersebut adalah seramai 3,624,214 orang. Etnik Kadazan-Dusun merupakan kumpulan etnik terbesar dengan populasi berjumlah 869,647 orang (23.98%) diikuti oleh Bajau seramai 488,672 orang (13.47%) dan Melayu seramai 150,029 orang (4.14%). Terdapat juga kategori Bumiputera lain yang mencakupi seramai 901,964 orang (24.89%) serta kategori bukan warganegara Malaysia yang terdiri daripada 700,190 orang (19.31%). Jadual 2 pula menunjukkan populasi penduduk Sarawak mengikut kumpulan etnik pada tahun 2010. Jumlah penduduk Sarawak pada tahun tersebut adalah seramai 2,471,140 orang. Etnik Iban merupakan kumpulan etnik terbesar dengan populasi berjumlah 809,600 orang (28.61%), diikuti oleh etnik Cina dengan 629,300 orang (22.22%) dan etnik Melayu seramai 649,900 orang (22.98%). Manakala, etnik Bidayuh berjumlah 220,500 orang (7.79%), etnik Melanau 144,600 orang (5.11%), dan etnik Bumiputera lain sebanyak 182,200 orang (6.44%). Etnik India dan lain-lain seramai 16,800 orang (0.59%),



sementara bukan warganegara Malaysia berjumlah 176,400 orang (6.23%). Oleh itu, kedua-dua jadual menunjukkan komposisi etnik yang berbeza di negeri Sabah dan Sarawak serta menyoroti kepelbagaian budaya dan demografi di kedua-dua negeri tersebut.

Sebelum kedatangan penjajah, Barlocco (dalam Romzi et al., 2021) menegaskan bahawa kategori sosial merujuk kepada kumpulan etnik di Sabah adalah tidak wujud “*before the establishment of outside control over the area*”. Menurut Mohamad (dalam Romzi et al., 2021), masyarakat ‘asli’ atau ‘penduduk terawal di Sabah’ tidak pernah menjadi satu unit sosial yang signifikan melebihi had sebuah kampung sahaja yang berpopulasi kecil di antara 50 hingga 100 orang dan mereka biasanya terdiri daripada saudara-mara. Oleh itu, masyarakat Sabah melihat bahawa pengelasan etnik adalah tidak penting dan lebih berminat untuk mengekalkan ikatan kekeluargaan yang kuat berbanding dengan adanya keperluan untuk membezakan antara satu sama lain. Kepentingan perbezaan latar belakang sosial dalam kalangan penduduk asli di Sabah bermula dengan kewujudan pentadbiran secara formal atau kawalan sosio-politik oleh Kesultanan Brunei di Sabah setelah kedatangan Islam menerusi pedagang Muslim dari Sulawesi, Indonesia ke negeri berkenaan pada akhir abad ke-15 (Romzi et al., 2021). Beberapa kategori sosial berasaskan Islam dan bukan Islam telah diperkenalkan oleh Kesultanan Brunei dengan mewujudkan kelompok sosial yang menyerupai kategori etnik. Istilah Melayu untuk orang asal yang memeluk Islam dan pendatang Islam telah diperkenalkan sebagai usaha untuk memusatkan kawalan pentadbiran di seluruh Borneo Utara.

Namun begitu, majoriti orang Islam lebih memilih untuk memperkenalkan diri mereka sebagai Brunei-Melayu (orang asli Muslim yang tinggal di Pantai Barat Borneo Utara) atau Orang Sungai (penduduk asli beragama Islam yang tinggal di sepanjang pesisir pantai di Timur Borneo) sahaja. Malahan, pendatang terawal yang beragama Islam dan diklasifikasikan sebagai peribumi Sabah dari Filipina dan Indonesia juga turut berminat untuk mengidentifikasikan diri mereka sebagai Suluk, Sama-Bajau atau Illanun sahaja kerana terpengaruh dengan sikap sedemikian. Selari dengan langkah kesultanan Brunei memperkenalkan identifikasi sosial awal ini maka kategori masyarakat awal di Sabah seperti Dusun, Melayu-Brunei, Orang Sungai, Melayu, Suluk, Sama-Bajau dan Illanun telah diwujudkan. Setelah berlaku pemindahan hak milik Borneo Utara oleh British North Borneo Company (BNBC) ke pejabat penjajah Inggeris pada tahun 1945 maka sistem pemerintahan British yang bersifat ‘indirect rule’ (Scott, dalam Romzi et al., 2021), sebagai ‘proper social categories’ telah mula dijadikan sebagai sesuatu yang signifikan pada sekitar tahun 1946. Ia sebagai salah satu cara untuk memudahkan urusan tadbir dan kawalan sosial ke atas penduduk Sabah.

Pihak British memutuskan untuk mewujudkan kategori etnik sedia ada sebagai etnik yang sah untuk kegunaan rasmi dan mengiktiraf pendatang awal Suluk, Sama-Bajau dan Illanun sebagai penduduk peribumi di Borneo Utara (Romzi et al., 2021). Di penghujung era kolonial, perbezaan etnik telah mula menjadi perkara penting dalam kalangan penduduk di Sabah. Ia susulan daripada penubuhan parti politik setelah Tunku Abdul Rahman mengumumkan pembentukan Persekutuan Malaysia iaitu pembentukan kesatuan politik sejagat di antara Malaya, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei pada 27 Mac 1961. Sebagai langkah pertama dalam membentuk parti politik berasaskan kaum di Sabah sepertimana parti politik di Tanah Melayu, maka para

pemimpin Sabah telah mula memainkan isu kepentingan label etnik. Rentetan itu, perpaduan politik di Sabah mula dikenali dengan fenomena ‘us’ lawan ‘them’ (Tajfel & Turner, dalam Romzi et al., 2021) di mana rakyat berminat untuk mengasingkan diri antara satu sama lain dengan menyelaraskan diri mereka dengan parti politik yang dipimpin oleh seorang atau sekumpulan individu daripada kumpulan etnik mereka sendiri.

Bagi penduduk di negeri Sarawak, pada awalnya mereka hanya membahaskan diri mereka dengan nama sungai atau kawasan tempat tinggal mereka sebelum kedatangan kuasa Brooke. Sebagai contoh, mereka menggelarkan diri mereka sebagai “Kami Undup” atau “Kami Sekrang” yang bermaksud kami berasal dari Sungai Undup atau Sungai Sekrang (Pringle & Sabihah, dalam Anita & Noorlizawati, 2023). Namun begitu, nama-nama etnik telah mula dicipta dan diguna pakai setelah kedatangan James Brooke. Perasaan mengenai perbezaan kaum yang ketara dalam kalangan masyarakat di Sarawak mula timbul akibat dasar pecah dan perintah yang telah diperkenalkan semasa era pemerintahan rejim Brooke di mana penduduk Sarawak telah dipisahkan mengikut kawasan tempat tinggal dan sistem pendidikan vernakular telah dipraktikkan (Anita & Noorlizawati, 2023). Perkara ini menyebabkan para pelajar diasingkan mengikut kaum masing-masing dan senario ini berterusan sehingga zaman pemerintahan British. Perkembangan politik di Sarawak juga turut dipengaruhi oleh dasar tersebut apabila parti-parti politik yang ditubuhkan dilihat lebih bersifat memperjuangkan kepentingan dan mewakili kaum masing-masing serta cenderung untuk bergerak atas dasar perkauman.



1.2 Latar Belakang Kajian

Gagasan Malayan Union dan idea penubuhan Malaysia merupakan antara peristiwa besar yang berlaku dalam negara dan mencetuskan gelombang kesedaran rakyat secara besar- besaran untuk terlibat secara langsung dalam gerakan politik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (Azuki, 2021, p.114). Gelombang ini telah mewujudkan pelbagai bentuk dan aliran gerakan sama ada politik, nasionalis, haluan kanan dan haluan kiri sebagai langkah untuk menyatukan dan memperjuangkan idealisme masing-masing dengan cara yang aman.

Di Malaysia, politik kepartian boleh dilihat melalui dua jenis parti politik. Pertama, parti- parti politik yang ditubuhkan berasaskan ideologi tertentu seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR) dengan ideologi demokrasi sosial, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dengan ideologi nasionalisme Melayu, Democratic Action Party (DAP) dengan ideologi sosialisme demokratik dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan ideologi Islamisme. Kedua, parti-parti politik yang mewakili etnik masing-masing seperti United Malays National Organisation (UMNO) yang mewakili bangsa Melayu, Malaysian Chinese Association (MCA) mewakili bangsa Cina, dan Malaysian Indian Congress (MIC) mewakili bangsa India. Penjajahan British dan kewujudan masyarakat berbilang kaum yang berkomposisi tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India mula mengunjurkan interaksi sesama mereka dan situasi ini telah mencorakkan sistem politik di Malaysia (Fitri & Foad, 2013, p.43). Kelahiran UMNO merupakan titik tolak daripada penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union yang mengusulkan taraf kerakyatan mudah dan hak sama rata antara kaum. Pada 11 Mei 1946, UMNO ditubuhkan secara rasmi di Johor Bharu setelah 41 buah pertubuhan Melayu bersidang pada 1 Mac 1946 dalam Kongres Melayu Se-Malaya di Kuala



Lumpur. Seterusnya, parti MCA ditubuhkan pada 27 Februari 1949. Asalnya MCA merupakan sebuah pertubuhan kebajikan, sosial dan budaya yang membantu Kampung-kampung Baru (Mauzy, dalam Fitri & Foad, 2013, p.44), namun telah berdiri sebagai parti politik pada 20 Jun 1952 setelah menyertai Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bersama UMNO. Parti MIC pula ditubuhkan pada Ogos 1946 bertujuan untuk menjaga hak dan kepentingan kaum India terutama dalam mengakhiri imej masyarakat India sebagai buruh murahan dan semangat politik yang masih berkiblatkan kepada negara India (Mauzy, dalam Fitri & Foad, 2013, p.45).

Dari sudut realiti sejarah di Sabah dan Sarawak, cadangan penubuhan Malaysia telah meningkatkan kesedaran rakyat di kedua-dua negeri Borneo tersebut untuk mula terlibat secara langsung dalam gerakan politik secara tersusun. Di negeri Sarawak, penubuhan parti-parti politik berasaskan kaum bermula dengan penubuhan Sarawak United People's Party (SUPP) iaitu parti politik pertama yang ditubuhkan pada tahun 1959. Pada awalnya, SUPP menjulang gagasan parti politik yang bersifat multi-etnik. Namun begitu, parti ini mula kehilangan sifat multi-etnik kepada dominasi satu bangsa apabila dikuasai oleh etnik Cina pada tahun 1963 (Azuki, 2021, p.115). Pada tahun 1960, Parti Negara Sarawak (PANAS) ditubuhkan oleh etnik Melayu Bumiputera bagi mendukung tujuan melindungi, memelihara serta memajukan kepentingan-kepentingan politik, pendidikan, keagamaan, ekonomi, sosial dan kebudayaan rakyat seluruh negeri Sarawak, khasnya kaum Bumiputera. Etnik-etnik lain juga turut menubuhkan parti-parti politik tertentu dengan matlamat untuk mempertahankan hak dan kepentingan etnik masing-masing. Sebagai contoh, penubuhan Sarawak Chinese Association (SCA) dilihat lebih bersifat keCinaan, Barisan Jati Anak Sarawak (BARJASA) pula dilihat lebih bersifat keMelayuan manakala Sarawak National Party (SNAP) dan Parti Pesaka

Anak Sarawak (PESAKA) dilihat lebih bersifat kelbanan (Hashim, dalam Anita & Noorlizawati, 2023).

Bagi Sabah pula, penubuhan parti-parti politik berkembang ekoran daripada kesedaran yang memuncak untuk mencapai kemerdekaan daripada penjajah British. Beberapa buah parti politik telah mula ditubuhkan, antaranya ialah United National Kadazan Organization (UPKO) iaitu parti politik pertama yang ditubuhkan pada Ogos 1961 sebagai parti politik suku Kadazan yang dipengerusikan oleh Donald Stephen dan berpusat di Pantai Barat Sabah, parti United Sabah National Organisation (USNO) yang memperjuangkan cita-cita dan objektif komuniti Melayu Muslim, Borneo Utara National Party (BUNAP), gabungan United Party dan Democratic Party ditubuhkan untuk memelihara kepentingan kaum Cina di Sabah, parti United National Pasok Momogun Organization (UPMO) memperjuangkan hak dan kepentingan orang Murut (Ho, 2006). Parti-parti ini telah bekerjasama dan membentuk Parti Perikatan Sabah untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Azuki, 2021, p.116). Kerajaan tempatan di Sabah berjaya dibentuk buat pertama kali selepas Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) pada tahun 1963.

1.3 Permasalahan Kajian

Menurut Malike (2011, p.7), konflik berasal daripada perkataan Latin “conflictus” yang merujuk kepada suatu situasi bahawa ada pihak yang sedang berusaha melancarkan mogok secara kekerasan bagi menuntut sesuatu perkara. Secara umumnya, konflik membawa gambaran atau menjelaskan akan kewujudan keadaan yang saling bertentangan di antara dua atau lebih pihak yang melibatkan perkara seperti percanggahan, pertikaian dan pertentangan yang akhirnya mencorakkan konflik dalam

kalangan mereka dalam bentuk kumpulan, organisasi atau perseorangan dan antarabangsa. Walaupun konflik dan politik merupakan dua perkara yang berbeza, namun kedua-duanya mempunyai hubungan antara satu sama lain. Setiap masalah yang berlaku atau berpunca daripada aspek politik dilihat ada kecenderungan ke arah kewujudan konflik dan hal ini boleh dilihat dalam perkembangan politik di Sabah dan Sarawak. Menurut Dennis (dalam Malike, 2011, p.25), beliau menyifatkan politik itu sebagai konflik (politics as conflict). Ini kerana terdapat banyak hal ehwal yang wujud dalam konteks politik yang membawa punca kepada konflik seperti faktor kepimpinan politik, perebutan dan persaingan kuasa untuk menjadi presiden parti, memegang jawatan- jawatan dalam parti, persaingan untuk menjadi calon pilihan raya serta persaingan semasa pilihan raya.

Dalam dunia politik, isu perkauman juga tidak dapat dielakkan. Ikatan etnik dan kaum yang begitu kuat dan telah tersedia diwarisi sejak dahulu telah mewujudkan sistem kelas dalam ikatan kaum dan menguatkan lagi politik perkauman. Faktor-faktor seperti etnik, agama dan kelas menjadi faktor pengikat dan penjalin kerjasama yang penting dalam kalangan anggota- anggota masyarakat (Hirschman & Lim, dalam Abdullah, 2016). Pembawaan ideologi yang bertujuan untuk memperoleh kuasa dan pengaruh adalah berkait rapat dengan kewujudan ikatan kesetiaan, faktor-faktor pendorong dan penghalang kepada pertumbuhan ikatan kesetiaan serta hubungan dengan pencapaian perpaduan nasional. Menurut Abdullah (2016), ideologi dimaksudkan sebagai fahaman atau landasan idea yang dianuti oleh seseorang individu atau sekumpulan masyarakat. Ideologi boleh diertikan sebagai satu pegangan, anutan, pandangan atau sistem nilai yang menyeluruh dalam sesebuah masyarakat bagi tujuan-tujuan yang hendak dicapai. Pertentangan ideologi telah membawa kepada persoalan-

persoalan seperti siapa yang harus memerintah, bagaimana pemimpin dilantik, apakah prinsip-prinsip yang mendasari pemerintahan, apakah institusi yang patut diubah atau dikekalkan dan bagaimana untuk melaksanakannya (Abdullah, 2016). Oleh itu, masyarakat yang berbilang kaum dan etnik akan bersaing antara satu sama lain bagi merebut sumber kekayaan yang sama, peluang-peluang ekonomi dan kekuasaan politik melalui seruan-seruan yang menggunakan faktor etnik untuk memperoleh sokongan daripada anggota-anggota kumpulan etnik berkenaan secara mudah sekali gus menjejaskan usaha-usaha untuk memupuk persefahaman dan perpaduan rakyat.

Penubuhan parti politik berasaskan kepentingan etnik sememangnya merupakan ciri utama parti politik di Sabah sejak dari awal sehingga kini. Sebagai contoh, parti USNO lebih memperjuangkan etnik Bajau dan Suluk, UNKO dan UPKO secara bersama memperjuangkan nasib dan masa depan bangsa Kadazan Dusun Murut di Sabah manakala SCA pula lebih memperjuangkan hak etnik Cina (Agus, dalam Ramli et al., 2018). Parti-parti politik seperti PBS, BERJAYA dan UMNO-BN dilihat agak liberal kerana keanggotaan parti terbuka untuk semua etnik dan tidak didominasi oleh sesuatu etnik sahaja malah matlamat perjuangannya dilihat lebih demokratik dengan memperjuangkan kepentingan semua etnik (Ramli et al., 2018). Namun begitu, penubuhan parti politik yang menjadikan kepentingan etnik yang diwakili sebagai asas perjuangan telah menimbulkan konflik dan pertentangan bagi merebut kuasa melalui kekerapan pertukaran kerajaan negeri di Sabah. Sejak tahun 1964 hingga 2018, sebanyak enam buah parti politik yang berbeza telah menerajui kepimpinan politik di Sabah (Ramli et al., 2018). Kesan daripada perpecahan ini juga boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif seperti masalah perpaduan dalam kalangan masyarakat Sabah itu sendiri. Sebagai contoh, peristiwa pengeboman yang berlaku di Sandakan pada

tahun 1976 dan di Kota Kinabalu pada tahun 1988 adalah berpunca daripada budaya politik berasaskan etnik yang diamalkan di negeri Sabah pada ketika itu (Azian & Farhana, 2022).

Bagi negeri Sarawak pula, penubuhan parti politik berasaskan kepentingan etnik dapat dilihat melalui penubuhan parti-parti politik seperti BARJASA, PESAKA, dan SCA yang merupakan parti kedua bagi kaum Melayu, Iban dan Cina. Menurut Hashim & Ho (dalam Anita & Noorlizawati, 2023), BARJASA telah ditubuhkan oleh masyarakat Melayu yang menentang penyerahan Sarawak kepada British dan menolak kepimpinan parti PANAS yang dilihat bersifat autokratik. Parti SCA pula telah ditubuhkan oleh masyarakat Cina untuk menentang sikap keradikalan SUPP yang dilihat sebagai pro-komunis dan banyak dipengaruhi oleh Clandestine Communist Organization (CCO) serta dipimpin oleh pemimpin yang berpendidikan Inggeris. Parti SUPP kurang mendapat sokongan daripada masyarakat Cina konservatif yang bimbang sekiranya perniagaan mereka terjejas disebabkan oleh keradikalan SUPP ini. Sementara itu, golongan pemimpin Iban di Bahagian Ketiga yang terdiri daripada golongan penghulu telah menubuhkan parti PESAKA kerana tidak berkenan dengan perjuangan SNAP yang diketuai oleh golongan orang muda Iban. Mereka berpendapat bahawa perjuangan orang Iban dan Dayak haruslah dipimpin oleh para ketua masyarakat tradisional (Suffian, dalam Anita & Noorlizawati, 2023). Kesan penubuhan parti politik berasaskan etnik ini telah menyebabkan kaum-kaum di Sarawak lebih tertarik dengan parti politik yang didominasi oleh kaum mereka sendiri serta telah menjadi ikutan parti-parti politik baharu yang lain di Sarawak.



Walaupun terdapat kajian-kajian lepas berkaitan dengan politik etnik di Borneo yang memberikan sumbangan penting dalam memahami dinamika sistem politik di Sabah dan Sarawak, namun tiada kajian khusus yang menilai faktor kejayaan negeri Sabah dan Sarawak dalam mengurus kerencaman etnik dan kestabilan politiknya. Justeru, kajian ini cuba mengisi kelompangan tersebut dengan melihat faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo. Kajian ini juga bertujuan untuk memahami bagaimana pengaruh etnik mempengaruhi proses pembentukan, agenda politik dan sokongan orang ramai terhadap pelbagai parti politik dan kesan-kesannya terhadap kestabilan politik di Borneo. Bagi menangani masalah ini, kajian ini juga ingin meneroka langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan masalah pengaruh etnik dalam parti politik ini serta menggalakkan integrasi politik yang lebih inklusif dalam landskap politik di Borneo memandangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan adalah amat terhad.



1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan rumusan permasalahan tersebut, persoalan yang ingin dibangkitkan melalui kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo?
- ii. Bagaimanakah kesan-kesan pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo?
- iii. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan pengaruh etnik dalam landskap politik di Borneo?



1.5 Objektif Kajian

Bagi menjawab permasalahan kajian yang telah dihuraikan di atas, objektif yang berikut ditetapkan sebagai landasan kajian:

- i. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo.
- ii. Menganalisis kesan-kesan pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo.
- iii. Mengkaji langkah-langkah mengurangkan pengaruh etnik dalam landskap politik di Borneo

1.6 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan adalah meliputi bidang politik etnik. Pengkaji memilih bidang ini kerana etnik atau kaum merupakan faktor penting dalam mempengaruhi proses sosialisasi politik di Malaysia. Tambahan pula, keadaan demografi dan struktur ekonomi rakyat Sabah dan Sarawak yang berbilang etnik telah mempengaruhi penubuhan parti-parti politik yang bergerak atas landasan kepentingan etnik masing-masing. Jumlah parti-parti politik tempatan di Sabah dan Sarawak yang begitu banyak telah menarik perhatian pengkaji untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah penubuhan dan perjuangan parti-parti politik berkenaan di mana terdapat 21 buah parti politik tempatan di Sabah dan 13 buah parti politik tempatan di Sarawak pada hari ini (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, t.t). Senario politik di Sabah dan Sarawak amat menarik untuk dikaji kerana sejarah politiknya adalah lebih kurang sama mengikut zaman pemerintahan parti politik tempatan. Kajian ini dijalankan di kawasan Malaysia Timur yang terdiri daripada negeri Sabah dan Sarawak yang terletak

di kepulauan Borneo iaitu kepulauan ketiga terbesar di dunia. Negeri Sabah dan Sarawak dipilih sebagai lokasi kajian kerana Sarawak dan Sabah merupakan negeri terbesar dan kedua terbesar di Malaysia serta mempunyai jumlah taburan penduduk yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik iaitu terdapat 39 kumpulan etnik di Sabah dan terdapat 30 kumpulan etnik di Sarawak.

Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada corak politik etnik terutamanya daripada aspek faktor-faktor berlakunya pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik. Pengkaji juga akan mengenal pasti kesan-kesan pengaruh etnik dalam pembentukan parti-parti politik dan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan pengaruh etnik dalam landskap politik di kawasan terbabit. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis dokumen ke atas sumber-sumber yang dipilih terdiri daripada buku, disertasi dan artikel-artikel para pengkaji terdahulu. Justeru itu, kajian perpustakaan akan dilakukan di Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Artikel- artikel yang digunakan pula kebanyakannya diperolehi secara dalam talian. Kajian ini juga akan melakukan temu bual bersama dengan ahli politik yang berasal dari Sabah dan Sarawak, pakar atau ahli akademik dalam perhubungan etnik dan wakil-wakil daripada badan bukan kerajaan (NGO). Kaedah kualitatif dipilih kerana kaedah ini mampu menjawab persoalan berkaitan mengapa dan bagaimana. Instrumen temu bual dilakukan bertujuan untuk mengukuhkan lagi fakta atau maklumat yang diperolehi hasil daripada pembacaan pengkaji. Dalam menjalankan kajian ini, terdapat limitasi masa yang agak terhad untuk menjalankan kajian ini kerana terikat dengan komitmen sebagai seorang mahasiswa.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilaksanakan bagi mengupas isu berkenaan dengan pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo yang mana ia memperlihatkan faktor-faktor pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik yang dapat memberikan nilai tambah terhadap pendokumentasian dalam kajian-kajian yang lepas. Maka, kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber ilmu pengetahuan bagi pendedahan dan pemahaman kepada masyarakat khususnya pihak yang berminat untuk mengkaji mengenai politik etnik. Kajian ini juga adalah penting bagi pihak kerajaan untuk merangka dasar dan inisiatif yang lebih berkesan dalam menggalakkan integrasi etnik, mengukuhkan keharmonian sosial serta memastikan keadilan politik inklusif di Borneo. Dengan memahami kedinamikan politik etnik secara mendalam, pihak kerajaan dapat mengambil langkah-langkah strategik dalam membangun masyarakat yang bersatu padu di negeri Sabah dan Sarawak.

Selain itu, kajian mengenai pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo memberikan gambaran yang mendalam kepada pihak parti-parti politik tentang keutamaan dan kepentingan etnik yang berbeza di Borneo. Dengan memahami kedinamikan ini, parti-parti politik dapat merancang strategi komunikasi dan platform yang lebih berkesan untuk mendapatkan sokongan daripada pelbagai komuniti etnik. Malahan, kajian ini juga dapat membantu parti politik untuk menyusun strategi pembangunan yang lebih inklusif dan berdaya saing serta memperkuat pengaruh mereka di kalangan masyarakat etnik yang pelbagai di Borneo.

Di samping itu, kupasan isu melalui kajian pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo juga perlu bagi membuka mata dan minda anggota masyarakat kini terutama masyarakat Sabah dan Sarawak tentang pentingnya mempunyai perpaduan yang erat tanpa mengira kumpulan etnik atau kaum agar kestabilan politik sentiasa terjamin sekali gus hak dan kebajikan seluruh rakyat akan turut sentiasa terpelihara. Hal ini dikatakan demikian kerana usaha untuk menyatupadukan masyarakat Sabah dan Sarawak menjadi satu cabaran yang sukar kerana tahap literasi politik terutama mereka yang tinggal di kawasan pedalaman masih berada di tahap yang rendah. Selain itu, kajian ini juga penting untuk pendokumentasian agar menjadi rujukan kepada pengkaji pada masa hadapan mahupun masyarakat yang ingin mengenali lebih lanjut mengenai parti-parti politik di Borneo.

Seterusnya, kajian pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo ini juga mampu mengembangkan dan memantapkan lagi bidang ilmu berkaitan politik etnik di Borneo yang dilihat semakin berubah hasil daripada permuafakatan dan kerjasama antara parti politik tempatan di Sabah dan Sarawak yang mula membentuk pakatan politik. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap kajian yang dijalankan mempunyai perbezaannya yang tersendiri termasuklah dari segi masa kajian dilaksanakan, permasalahan yang diutarakan, hasil kajian yang diperoleh dan sebagainya. Keadaan ini akan mewujudkan satu kombinasi ilmu yang pelbagai dan menjadi satu gabungan yang mantap bagi menjelaskan lagi sesuatu isu yang diketengahkan. Malahan, dalam kajian ini juga menekankan tentang usaha-usaha yang perlu diambil bagi mengurangkan pengaruh etnik dalam landskap politik di Borneo.

1.8 Definisi Operasional

Istilah yang digunakan dalam kajian ini akan dijelaskan satu persatu bagi menjelaskan lagi tajuk kajian ini.

1.8.1 Etnik

Menurut Mansor, Rahman & Ainuddin (2006), konsep etnik berkaitan rapat dengan ras dan bangsa. Etnik adalah lebih berkaitan dengan amalan budaya yang hampir seragam yang diamalkan oleh sekelompok manusia. Manakala ras dan bangsa memberi penekanan kepada aspek fizikal dan biologi sesama manusia. Menurut mereka lagi, pengertian konsep etnik dilihat dari segi dua dimensi iaitu dimensi subjektif dan dimensi objektif. Dimensi subjektif adalah berkaitan dengan kesedaran tentang kewujudan satu identiti etnik, perasaan kekitaan, dan kesedaran tentang kepentingan bersama. Manakala dimensi objektif adalah persamaan ciri-ciri kebudayaan seperti bahasa, kesenian, pakaian dan adat istiadat yang dikongsi bersama.

Menurut Scupin (dalam Azuki, 2021), istilah etnik berasal daripada perkataan Yunani iaitu 'ethnos' dan 'ethnikos'. Istilah ini digunakan untuk merujuk kepada orang bukan Yunan, ataupun orang lain yang berkongsi ciri biologi, budaya dan cara hidup yang sama. Dalam penggunaan percakapan sehari-hari, etnik lebih dikenali sebagai kaum. Kelainan etnik wujud disebabkan perbezaan budaya, iaitu keseluruhan cara berfikir dan cara bertindak termasuklah sistem politik, kepercayaan, agama, bahasa, adat resam dan lain-lain. Pada abad ke-19, dalam pelbagai bahasa di Eropah, perkataan ini diberi makna sama dengan istilah ras yang mengasingkan kumpulan manusia berdasarkan perbezaan ciri fizikal seperti warna kulit, rangka tubuh, bentuk kepala dan tekstur rambut.

Menurut Gerald (dalam Baumann, T., 2004), etnik didefinisikan sebagai tahap stratifikasi sosial atau ketidaksetaraan sosial yang merangkumi bangsa, kelas, hubungan keluarga, umur, kecantikan, kasta, dan jantina. Berbeza dengan bangsa atau kelas, etnik berkaitan dalam hubungan yang disebut sebagai dikotomi dengan kaum. Etnik dibezakan dari suku dalam stratifikasi suku yang terkait dengan status kelahiran berdasarkan ciri-ciri fizikal dan budaya yang ditentukan oleh kumpulan luar. Etnik juga ditentukan sejak lahir, tetapi kumpulan etnik umumnya menentukan ciri budaya mereka sendiri. Akibatnya, kumpulan etnik, yang ditentukan oleh orang luar, sering kali bercampur dengan ketidaktepatan dan stereotaip, sedangkan klasifikasi etnik secara umumnya lebih tepat kerana ia ditentukan oleh kumpulan itu sendiri.

Oleh itu, berdasarkan definisi-definisi yang diberikan oleh sarjana yang berbeza, kajian ini mendefinisikan etnik sebagai sebuah konsep yang kompleks dan berkait rapat dengan budaya serta identiti kelompok manusia. Secara umumnya, etnik merujuk kepada sekelompok manusia yang berkongsi ciri-ciri budaya yang hampir seragam, termasuk bahasa, kesenian, pakaian, dan adat istiadat. Definisi ini menekankan bahawa etnik lebih berfokus kepada aspek budaya dan identiti kolektif, berbeza dengan konsep ras yang lebih menekankan pada ciri-ciri biologi seperti warna kulit atau bentuk tubuh.

1.8.2 Parti Politik

Menurut Sigmund (dalam Wankwo, G. O., 1982), parti politik ialah organisasi daripada aktiviti politik yang bertujuan untuk mengawal kuasa kerajaan dan mewujudkan

sokongan popular atas dasar persaingan dengan kumpulan atau kumpulan lain yang berbeza pandangan.

Menurut S. B. M. Marume et al. (2016), parti politik ditakrifkan sebagai sebuah persatuan yang tersusun dan mungkin bertahan lama, sama ada individu atau kumpulan individu yang boleh dibezakan. Matlamat utama mereka adalah untuk membawa ahli-ahli mereka ke jawatan kerajaan supaya mereka boleh mendesak untuk menerima pakai dasar atau program pilihan mereka. Apa yang membezakan parti politik daripada kumpulan lain yang berminat dalam isu awam ialah fokus mereka untuk mendapatkan calon mereka sendiri yang dipilih atau dilantik ke pejabat awam di mana mereka boleh mempengaruhi keputusan kerajaan.

Menurut Momoh (dalam Zainawa, A. Y., 2021), parti politik hanyalah sebuah badan individu terancang yang matlamat utamanya adalah untuk bersaing dalam mendapatkan kuasa politik melalui pilihan raya. Penting untuk diperhatikan bahawa kewujudan parti-parti politik tidak bermakna masyarakat adalah demokratik secara automatik. Walau bagaimanapun, melalui pilihan raya yang kompetitif dan berkala, parti politik memainkan peranan penting dalam mentakrifkan intipati demokrasi liberal.

Oleh itu, kajian ini mendefinisikan parti politik sebagai organisasi berstruktur yang mempunyai tujuan untuk mengawal atau mempengaruhi kuasa kerajaan melalui persaingan dalam proses politik terutama melalui pilihan raya umum. Mereka terdiri daripada individu atau kumpulan individu yang mempunyai matlamat yang sama untuk mendapatkan sokongan orang ramai dan mengubah dasar kerajaan agar sesuai dengan agenda mereka sendiri. Justeru, parti politik bukan sahaja berperanan sebagai forum

yang mewakili pelbagai pandangan dalam masyarakat, tetapi juga sebagai alat untuk mempengaruhi dasar dan struktur kerajaan dalam sistem demokrasi.

1.9 Organisasi Bab

Penyusunan penulisan disertasi amat penting terutamanya berkenaan dengan kualitinya selain dapat memudahkan pembaca untuk memahami penulisan ilmiah ini. Justeru, kajian ini disusun dan dibahagikan kepada enam bab mengikut urutan proses kajian.

Bab 1 adalah Pengenalan yang membincangkan tentang proses awal untuk melaksanakan kajian. Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyusun proses tersebut bermula daripada pengenalan kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi istilah atau operational dan organisasi penulisan dalam disertasi ini.

Bab 2 pula merupakan bahagian yang menerangkan tentang kajian lepas berkenaan isu-isu politik etnik di Borneo. Isu-isu ini dikupas berdasarkan hasil daripada pembacaan maklumat yang terdapat di dalam bahan bacaan yang telah diterbitkan seperti buku-buku, jurnal, makalah, tesis, kertas seminar, surat khabar, rencana, media elektronik dan sebagainya. Justeru bahagian ini juga dikenali sebagai kajian literatur. Rumusan juga dibuat pada penghujung bahagian ini.

Bab 3 merupakan bahagian yang menjelaskan berkenaan dengan metodologi atau kaedah kajian. Dalam kajian ini, telah dipecahkan kepada 5 proses iaitu reka bentuk kajian, kaedah pemilihan sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, prosedur pengumpulan data dan kaedah menganalisis data. Dalam prosedur pengumpulan data,

kaedah yang digunakan adalah temu bual yang mana pengkaji menggunakan soalan separa struktur dan juga soalan berstruktur.

Bab 4 menghuraikan objektif pertama kajian iaitu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo. Seterusnya, Bab 5 mengupas tentang objektif kedua kajian iaitu menganalisis kesan-kesan pengaruh etnik dalam pembentukan parti politik di Borneo. Bab 6 pula menumpukan kepada objektif ketiga kajian iaitu mengkaji langkah-langkah mengurangkan pengaruh etnik dalam landskap politik di Borneo. Akhir sekali, Bab 7 merupakan bahagian rumusan yang menyimpulkan keseluruhan kajian ini.